



MAJLIS BANDARAYA IPOH

PEKELILING KEWANGAN BIL. 01/2021

Rujukan : Bil (32) dlm.MBI.B1/12/2/12

Jabatan Perbendaharaan
Majlis Bandaraya Ipoh

Mac 2021

Pengarah Kanan
Semua Ketua Jabatan / Bahagian / Unit
Majlis Bandaraya Ipoh

KEMUDAHAN PINJAMAN PELAJARAN BOLEH UBAH KEPADA ANGGOTA MAJLIS BANDARAYA IPOH YANG INGIN MELANJUTKAN PELAJARAN

Dengan hormatnya saya merujuk kepada perkara di atas.

2. Berhubung dengan perkara di atas, adalah dimaklumkan bahawa Majlis telah meluluskan kertas kerja bagi mewujudkan Kemudahan Pinjaman Pelajaran Boleh Ubah kepada anggota Majlis Bandaraya Ipoh melalui Mesyuarat Jawatankuasa Penasihat Tujuan-Tujuan Am Bil.356/09/20 bertarikh 17 Disember 2020 dan telah disahkan dalam Mesyuarat Majlis Penuh Bil.356/10/20 pada 24 Disember 2020 yang lalu. Galakkan menimba ilmu kepada anggota Majlis adalah sebagai salah satu usaha pembangunan modal insan yang menerapkan konsep pembelajaran berterusan yang boleh dimanfaatkan oleh anggota dalam bidang tugas masing-masing. Program pendidikan yang ditawarkan adalah Pendidikan Jarak Jauh (PJJ) melalui Institusi Pengajian Tinggi Awam atau Swasta (IPTA/IPTS) dan pengajian / kursus yang diiktiraf oleh Jabatan Perkhidmatan Awam mengikut bidang tugas anggota.
3. Satu Garis Panduan Pinjaman Pelajaran Boleh Ubah telah disediakan untuk dijadikan panduan dan rujukan anggota / pegawai seperti yang disertakan di **Lampiran 1**.
4. Kemudahan Pinjaman Pelajaran Boleh Ubah Kepada Anggota Majlis Bandaraya Ipoh yang ingin melanjutkan pelajaran akan berkuatkuasa mulai **15 Mac 2021 (Isnin)**. Permohonan boleh dibuat melalui Unit Amanah, Jabatan Perbendaharaan.

Sekian dimaklumkan, terima kasih.

"PRIHATIN RAKYAT : DARURAT MEMERANGI COVID 19"

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

"IPOH BANDAR RAYA TERBERSIH 2023"

"IPOH BANDAR RAYA PINTAR DAN RENDAH KARBON 2030"

Saya yang menjalankan amanah,

(DATO' HAJI RUMAZI BIN BAHARIN@MD DAUD)
Datuk Bandar Ipoh

"SEJAHTERA RAKYAT PERAK DARUL RIDZUAN"



MAJLIS BANDARAYA IPOH

**GARIS PANDUAN KEMUDAHAN PINJAMAN PELAJARAN
BOLEH UBAH KEPADA ANGGOTA MAJLIS BANDARAYA IPOH
YANG INGIN MELANJUTKAN PELAJARAN**

1.0 SYARAT-SYARAT UMUM

- i. Terbuka kepada semua anggota-anggota Majlis yang berjawatan tetap dan telah disahkan dalam perkhidmatan.
- ii. Telah berkhidmat di Majlis Bandaraya Ipoh tidak kurang dari 5 tahun.
- iii. Bebas dari tindakan tatatertib.
- iv. Mempunyai Baki Gaji Bersih tidak kurang 40% dari jumlah keseluruhan gaji.
- v. Mendapat kelulusan pihak pengurusan dengan cuti belajar separuh masa.
- vi. Keutamaan kepada pengajian/kursus yang diiktiraf oleh Jabatan Perkhidmatan Awam serta berhubung kait dengan bidang tugas anggota pada masa permohonan atau selari dengan mana-mana bidang operasi dan perkhidmatan Majlis Bandaraya Ipoh.
- vii. Anggota yang diluluskan kemudahan pinjaman pelajaran Majlis perlu menjelaskan pinjaman tertakluk kepada segala syarat dan tempoh pembayaran balik yang ditetapkan.
- viii. Sekiranya, anggota yang memperoleh kemudahan pinjaman pelajaran dari Majlis ingin meletak jawatan atau bertukar ke agensi kerajaan atau swasta yang lain, pembayaran balik pinjaman secara keseluruhan perlu dibuat dalam tempoh 6 bulan dari tarikh anggota meletak jawatan atau bertukar ke agensi lain.

2.0 SYARAT-SYARAT KHUSUS

- i. Telah mendapat tawaran tempat dan kursus pengajian dari institusi awam/swasta atau agensi/badan yang menawarkan kursus profesional sama ada dalam atau luar negara serta diiktiraf oleh Kerajaan Malaysia.
- ii. Mendapat sokongan daripada Ketua Jabatan anggota terlibat.
- iii. Mencapai tahap prestasi 80% dan ke atas dalam Laporan Nilain Prestasi Tahunan bagi tempoh 3 tahun berakhir berturut-turut.
- iv. Menandatangani perjanjian dan surat setuju terima perjanjian yang dikeluarkan oleh Majlis.
- v. Perlindungan insuran dengan Majlis adalah diwajibkan mengikut kadar pinjaman yang dipohon.
- vi. Bersetuju untuk menamatkan pengajian dalam tempoh yang ditetapkan (mengikut tawaran tempat pengajian) dengan kelonggaran untuk lanjutan selama 2 tahun. Bagi lanjutan 2 tahun, segala perbelanjaan adalah di bawah tanggungan sendiri. Bagi peminjam yang gagal menamatkan pengajian, pembayaran balik jumlah yang dipinjam perlu dijelaskan mengikut jumlah pinjaman dan tempoh yang telah ditetapkan.
- vii. Bersetuju untuk mengemukakan Salinan Keputusan Peperiksaan dan bukti tamat pengajian ke Jabatan Khidmat Pengurusan, Bahagian Sumber Manusia.
- viii. Pengagihan pinjaman akan dibayar mengikut semester pengajian.
- ix. Pihak Pengurusan Majlis berhak menetapkan apa-apa syarat tambahan sekiranya perlu dari masa ke semasa.
- x. Tidak menerima biasiswa, dermasiswa atau lain-lain pinjaman pendidikan daripada pihak luar.

3.0 KELAYAKAN UMUR

Jabatan juga mencadangkan **Kelayakan Umur** anggota diteliti untuk dipertimbangkan bagi Kemudahan Pinjaman Pelajaran Boleh Ubah Majlis mengikut kategori berikut:

Peringkat Pengajian	Kelayakan Umur
Diploma dan Ijazah Sarjana Muda	Umur tidak melebihi 45 tahun pada masa permohonan.
Lain-lain Peringkat Pengajian (TVET, Kursus Profesional dan sebagainya tertakluk kepada kelulusan pihak pengurusan Majlis).	Umur tidak melebihi 45 tahun pada masa permohonan.
Ijazah Sarjana dan Doktor Falsafah	Umur tidak melebihi 50 tahun pada masa permohonan.

4.0 HAD PINJAMAN DAN KAEDAH BAYARAN BALIK

Had Pinjaman Pelajaran Boleh Ubah Majlis yang boleh dipertimbangkan kepada anggota yang memenuhi Syarat Umum dan Syarat Khusus adalah berdasarkan **Kos Pengajian** yang dikemukakan oleh pusat pengajian terlibat (**termasuk jumlah perlindungan insuran** yang akan diambil kira oleh Majlis) atau **sehingga maksima RM30,000** mengikut mana yang terendah.

Pinjaman ini merangkumi yuran pengajian yang ditetapkan oleh universiti dan tambahan 30% daripada yuran yang telah ditetapkan tersebut bagi perbelanjaan-perbelanjaan lain semasa tempoh pelajaran tertakluk maksima had pinjaman RM30,000 sahaja.

Manakala bagi tempoh bayaran balik pula dicadangkan **bermula tiga (3) bulan selepas tarikh tamat pengajian dan tidak melebihi 9 tahun** serta ianya tertakluk kepada baki tahun perkhidmatan anggota (tarikh bersara wajib) dengan mengikut kategori berikut:

Jumlah Pinjaman	Tempoh Minimum Bayaran Balik
Sehingga RM5,000	3 tahun (36 bulan)
RM5,001 hingga RM10,000	5 tahun (60 bulan)
RM10,001 hingga RM20,000	7 tahun (84 bulan)
RM20,001 hingga RM30,000 (maksimum)	9 tahun (108 bulan)

5.0 MANFAAT PEMBIAYAAN BOLEH UBAH

Bagi menggalakkan anggota agar sentiasa berusaha untuk mencapai kecemerlangan dalam bidang pengajian yang disertai, Jabatan juga mencadangkan Kemudahan Pinjaman Pelajaran ini dibuat dengan terma '**Boleh Ubah**' yang mana **pemberian diskaun ke atas jumlah bayaran balik** yang perlu dibuat oleh anggota boleh dipertimbangkan mengikut kategori pencapaian berikut:

Pencapaian	Peratus Diskaun Layak
CGPA 3.75 hingga 4.00	80%
CGPA 3.50 hingga 3.74	70%
CGPA 3.25 hingga 3.49	50%
CGPA 3.01 hingga 3.24	25%
< 3.00 ≤	Tiada

Manfaat Pembiayaan Boleh Ubah hanya boleh dipertimbangkan kepada peringkat pengajian yang boleh diukur tahap pencapaiannya.


Bagi tahap pencapaian tidak boleh diukur, penilaian keputusan akan di bawa ke Mesyuarat Jawatankuasa Penasihat Sumber Manusia untuk disyorkan bagi kelulusan Datuk Bandar.

Bagi peminjam yang mendapat manfaat pinjaman boleh ubah, perlu berkhidmat dengan Majlis sekurang-kurangnya lima (5) tahun dari tarikh graduasi / tamat pengajian. Jika sebaliknya manfaat pinjaman boleh ubah ini akan ditarik balik dan peminjam perlu membuat bayaran balik jumlah penuh pinjaman (tanpa diskaun) serta tertakluk pada syarat-syarat lain yang berkaitan dalam garis panduan ini.

6.0 KAWALAN DAN URUS SELIA

Perkara	Tanggungjawab
Pengeluaran Borang Permohonan, Senarai Semak dan Proses Kelulusan	Unit Amanah, Jabatan Perbendaharaan
Semakan dan Pengesahan Syarat-Syarat melibatkan penjawatan	Bahagian Sumber Manusia, Jabatan Khidmat Pengurusan
Proses Pengeluaran Pinjaman	Unit Amanah, Jabatan Perbendaharaan
Pelaporan Keputusan Peperiksaan dan Status Pengajian Anggota terlibat	Unit Amanah, Jabatan Perbendaharaan
Pelaporan Jumlah Pinjam dan Status Hutang Tertunggak	Jawatankuasa Pelaburan dan Pinjaman , Majlis Bandaraya Ipoh
Proses Bayaran Balik Pinjaman Bagi Permohonan Pinjaman Manfaat Boleh Ubah	Unit Amanah kepada Bahagian Sumber Manusia, Jabatan Khidmat Pengurusan
Urusan Bayaran Balik Pinjaman oleh anggota adalah melalui Kaedah Potongan Gaji	Unit Belanja, Jabatan Perbendaharaan

Carta Alir Bagi Proses Permohonan Kemudahan Pinjaman Pelajaran Boleh Ubah:



7.0 PENGECUALIAN

Sebarang pengecualian atau penambahan kepada pematuhan Garis Panduan Kemudahan Pinjaman Pelajaran Boleh Ubah ini perlu di bawa ke Mesyuarat Jawatankuasa Pengurusan Sumber Manusia dan tertakluk kepada pertimbangan dan kelulusan Ybhg. Datuk Bandar, selaku Pegawai Pengawal Majlis Bandaraya Ipoh.

